

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	300 TAN SAMPAH DIKUTIP DARI 2 SUNGAI DI JOHOR SETIAP BULAN
	SUMBER	BH (10 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (NASIONAL)

Nasional

Isnin, 10 Jun 2024 **BH**

300 tan sampah dikutip dari 2 sungai di Johor setiap bulan

Kerajaan negeri perkenal program Bersih@Sungai di 10 daerah

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Iskandar Puteri: Kira-kira 300 tan sampah sarap dikutip di Sungai Skudai dan Sungai Tebrau, di sini, setiap bulan, tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon, berkata jumlah itu sangat besar kerana ia hanya membabitkan dua sungai di bandar raya ini dan Johor Bahru.

Sehubungan itu, Tian Soon berkata, Kerajaan Johor melancarkan program Johor Bersih@Sungai, yang akan diperkenalkan di 10 daerah negeri ini bagi menangani isu pencemaran sungai, mulai tahun ini.

Katanya, program Johor Bersih sudah dilaksanakan sejak 2022 dengan konsep Johor Bersih 100 Hari pada tahun pertama sebelum ia ditukar kepada Johor Bersih, tahun lalu.

"Mulai tahun ini, program ini akan dikenali sebagai Johor Bersih@Sungai untuk kita fokus kepada pembersihan di sungai tercemar di negeri ini.

"Program ini penting dan akan digerakkan ke semua 10 daerah bukan hanya untuk pelaksanaan pembersihan di sungai, malah kita akan turut membawa mesej cintai sungai kepada masyarakat, terutama generasi muda sebagai kesedaran awam.



Tian Soon (dua dari kanan) mengutip sampah di tepi sungai pada Program Johor Bersih@Sungai di Sungai Skudai, Kampung Bakar, Batu Perling, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

"Saya beri contoh di Sungai Skudai, bot pembersihan yang dibeli kerajaan negeri berjaya mengutip puratanya sebanyak 207 tan setiap bulan, tahun lalu manakala di Sungai Tebrau pula sebanyak 93 tan sampah dikutip setiap bulan, tahun lalu.

"Bayangkan dua sungai sahaja kita berjaya kutip 300 tan sampah sebulan dan ini mesti dihentikan dengan pelaksanaan inisiatif lebih serius terutama menerusi Johor Bersih@Sungai," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran

Johor Bersih@Sungai di Sungai Skudai, Kampung Bakar Batu, Perling, di sini, semalam.

Isu 9 sungai tercemar

Mengulas isu sembilan sungai di Johor yang disenarai sebagai sungai tercemar negara dan dikategorikan berada dalam pengelasan kualiti air sungai (IKA) kelas tiga dan empat, Tian Soon berkata, Johor berjaya mengurangkan sungai tercemar daripada 14 kepada hanya sembilan, tahun ini.

Katanya, 14 sungai di Johor disenarai sebagai sungai paling tercemar Malaysia tahun lalu, me-

nerusi laporan sama yang dikeluarkan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

"Pengurangan jumlah sungai tercemar daripada 14 kepada sembilan itu menunjukkan inisiatif Johor Bersih yang diperkenalkan kerajaan negeri berada di landasan yang betul.

"Kualiti air di lima sungai yang dikeluarkan daripada senarai sungai tercemar itu juga sudah berjaya ditingkatkan ke tahap kedua dan ke atas. Jadi kita akan mempertingkatkan inisiatif Johor Bersih@Sungai, bagi menangani isu pencemaran sungai di negeri ini," katanya.

2.	TAJUK	PENCEGAHAN PENCEMARAN DILAKSANA SETIAP PERINGKAT
	SUMBER	BH (10 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (NASIONAL)

Pencegahan pencemaran dilaksana setiap peringkat

Kuching: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menafikan pencemaran sungai yang masih berlaku di negara ini disebabkan tumpuan lebih kepada usaha merawat berbanding mencegah.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), berkata langkah pencegahan sudah dilaksanakan, namun ketika ini bidang kuasa penjagaan sungai diletakkan di bawah kuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Justeru katanya, mesyuarat pertama Jawatankuasa Khas Menangani Kemerostan Kualiti Air Sungai Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Khamis lalu memutuskan untuk melaksanakan pencegahan bersepadu memba-

bitkan kementerian dan agensi Persekutuan, negeri, PBT hinggalah komuniti.

“Apa yang dipersetujui pada mesyuarat itu ialah kita harus mengambil tindakan (mencegah pencemaran sungai) secara bersepadu di pelbagai peringkat bermula Persekutuan, negeri, PBT hinggalah komuniti.

“Ketika ini, memang ada langkah pencegahan dilakukan oleh pihak PBT di negeri,” katanya ketika ditemui pada Perayaan “Duan Wu” Dragon Boat Festival di Surau Al-Ansar, Taman Yen Yen, Matang Jaya, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan pakar alam sekitar daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Haliza Abdul

Rahman semalam, bahawa negara lebih mengamalkan pendekatan merawat dan bukannya mencegah menyebabkan masalah pencemaran sungai berlarutan.

Mengulas lanjut, Fadillah berkata, menerusi tindakan pencegahan bersepadu yang akan dilaksanakan satu jawatankuasa akan diwujudkan di peringkat Persekutuan, seterusnya di negeri dan daerah.

“Jawatankuasa itu bertanggungjawab bukan sahaja menjaga kebersihan sungai dengan merawatnya malah menjaga keseluruhan aliran dari hulu hingga ke hilir.

“Langkah pencegahan ini akan dimulakan di peringkat komuniti dengan menerapkan kesedaran kepada mereka bahawa satu langkah kecil yang mereka amal-

kan dapat mengelakkan sungai daripada tercemar dan kesedaran itulah yang kita gerakkan secara bersepadu,” katanya.

Menurutnya, jawatankuasa peringkat negeri akan mengemukakan laporan setiap dua bulan mengenai hasil langkah pencegahan yang dijalankan.

Khamis lalu, Fadillah mendedahkan sebanyak 25 daripada 672 sungai di negara ini berada dalam kategori tercemar.

Katanya, sungai tercemar itu dikesan di Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak membabitkan pengelasan kualiti air sungai (IKA) kelas tiga dan empat.

Punca pencemaran antaranya disebabkan industri, loji kumbahan, perbandaran, pertanian, perumahan dan penternakan.

3.	TAJUK	'KAWAH GERGASI' TUNGGU MANGSA
	SUMBER	HARIAN METRO (10 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (LOCAL)

'Kawah gergasi' tunggu mangsa

Runtuhan tanah di Taman Lipat Kajang sedalam 10 meter membimbangkan kalangan penduduk

Oleh Amir Mamat
am@hmetro.com.my

Jasin

"Kedudukan rumah saya paling hampir dengan runtuhan. Meskipun ia memerlukan masa (untuk mendapan besar), tetapi sampai bila masalah ini akan diselesaikan?"

"Atau kena tunggu sehingga ada kehilangan nyawa baru tindakan penyelesaian diambil?" kata Shukor Abd Jalil, 60.

Pesara jurutera itu antara 100 penduduk Taman Lipat Kajang Perdana yang hidup dalam kebimbangan selepas diancam cerun dan tanah runtuh atau digelar mereka 'kawah gergasi' sedalam kira-kira 10 meter.

Menurutnya, berbanding penduduk lain, kedudukan rumah mereka di Jalan 8 dianggap berisiko, memandangkan jarak dengan kawasan runtuhan hanya kurang 10 meter (m).

"Sebaik menyedari ada berlakunya runtuhan kecil pada 2022, laporan sudah diadukan kepada pihak sepatut, tetapi kita tidak nampak tindakan penyele-



KEADAAN cerun dan runtuhan tanah yang membimbangkan penduduk di sekitar Taman Lipat Kajang, Jasin, Melaka.

saan sewajarnya yang diambil, sehinggalah runtuhan itu merebak menjadi 'kawah gergasi'.

"Apabila keadaan semakin kritikal, ada pihak berkuasa berkaitan mengambil tindakan dengan memasang saluran baru pada awal tahun lalu (bagi kurangkan risiko runtuhan), namun saiz paip digunakan kecil, tidak mampu menampung aliran air terutamanya ketika hujan," ka-

tanya. Shukor berkata, sebagai penduduk terawal menetap di kawasan perumahan itu, dia berharap tindakan lebih efisien diambil, sekali gus mengekang runtuhan.

"Jika tindakan awal diambil, ia tidak akan menjadi teruk sebegini hingga memerlukan peruntukan jutaan ringgit untuk baiki cerun. Harap tindakan berfasa dapat dilakukan sementara peruntukan dilu-

luskan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Lipat Kajang Perdana, Suhaimi Ahmad berkata, hal itu sudah dipanjangkan kepada pihak berkaitan termasuk Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) namun sehingga kini tiada penyelesaian meletakkan penduduk.

"Ada yang turun padang

untuk melihat (runtuhan) termasuk Adun namun sehingga sekarang sudah bulan Jun...tiada (penyelesaian konkrit) apa berlaku.

"Pada Mac lalu, pihak berkaitan pasang saluran baharu, tetapi paip kebanyakan sudah tercabut, selain tanah ditambak juga hilang entah ke mana.

"Dalam tempoh lima bulan, runtuhan juga sudah merebak dan bertambah lebih 30m...boleh dikatakan

kini keluasan runtuhan hampir 3,000 meter persegi. Sekarang bila cuaca hujan lebat dan lama, kami bimbang," katanya.

"Asalnya dulu kawasan kawah ini ban yang boleh dilalui lori ke ladang sawit bersebelahan, kini ia 'kawah gergasi' menunggu mangsa," katanya.

>Ikuti penjelasan pihak berkuasa berhubung isu ini dalam terbitan Harian Metro esok.

4.	TAJUK	PEKEBUN RUGI JUTAAN RINGGIT 40 HEKTAR LADANG SAWIT TERBAKAR
	SUMBER	HARIAN METRO (10 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (LOCAL)

Pekebun rugi jutaan ringgit 40 hektar ladang sawit terbakar

Jertih: Kebakaran lebih 40 hektar ladang sawit di Kampung Bukit Jeruk di sini ekoran musim panas sejak awal Mei lalu mengakibatkan kerugian jutaan ringgit kepada pekebun.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Bukit Jeruk, Mohd Rukmi Mat Ghani berkata, tanah gambut menyebabkan api sukar dipadam sepenuhnya kerana bara api masih berada di dalam tanah dan terus merebak terutama ke permukaan tanah kering.

"Api boleh menyala dengan tiba-tiba, sekali gus membakar pokok sawit namun cuaca hujan sesekali sejak kebelakangan ini dapat membantu meng-

awalnya daripada terus merebak. Bagaimanapun, banyak tempat masih kelihatan berasap," katanya, kelmarin.

Mohd Rukmi berkata, akibat kejadian itu, banyak pokok sawit dilaporkan tumbang akibat terbakar pada bahagian pangkal dan akar.

"Sekiranya hujan lebat turun berterusan, sudah tentu akan dapat membantu memadam sepenuhnya api yang berada di dalam tanah," katanya.

Beliau berkata, lebih me-

rumitkan keadaan apabila sebahagian besar pemilik ladang sawit di situ tinggal di pelbagai lokasi lain di daerah berkenaan.

Kebakaran itu katanya menyebabkan mereka hilang punca pendapatan kira-kira RM3,000 sebulan dalam sekelip mata.

Pihaknya justeru berharap ada bantuan untuk pekebun terjejas susulan kejadian itu daripada kerajaan, khususnya bagi mereka yang bergantung sepenuhnya pada hasil kebun sawit.

Bulan lalu, pihak bomba dilaporkan sudah berusaha memadam kebakaran di kawasan terbabit namun berdepan kesukaran disebabkan faktor tanah dan muka bumi.



KEBAKARAN lebih 40 hektar ladang sawit di Kampung Bukit Jeruk ekoran musim panas sejak awal Mei lalu mengakibatkan kerugian jutaan ringgit kepada pekebun.

Pekebun hilang pendapatan RM3,000 sebulan

5.	TAJUK	PEMBENTUNGAN ALIR BUIH BERBAU DIESEL DIKESAN
	SUMBER	BH (11 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

Pembetulan aliran buih berbau diesel dikesan

Sisa projek pembangunan berdekatan disyaki masuk Sungai Gombak

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Susulan insiden buih berbau diesel di Sungai Gombak kelmarin, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menemukan pembedungan yang mengeluarkan aliran itu.

Siasatan yang bermula jam 10 pagi hingga 8 malam, kelmarin mendapati pembedungan itu mengalirkan air berbuih ke anak Sungai Gombak, berdekatan dengan tapak sebuah projek pembangunan yang disyaki punca kejadian.

Pada masa sama, semakan di tapak mendapati terdapat kesan buih di longkang premis dipercayai hasil aktiviti pembersihan mendapan konkrit, termasuk anak sungai di kawasan berhampiran.

LUAS berkata, pensampelan 'in situ' kualiti air yang dilakukan di pembedungan menunjuk-



Semakan mendapati aktiviti cuci jentera dengan aliran cucian masuk ke longkang premis dan seterusnya kolam rawatan dan sungai berhampiran.

(Foto FB LUAS)

kan bacaan 'dissolved oxygen' (DO) dan keadaan pH yang baik.

"Punca dan saliran juga tidak dapat dipastikan kerana ia ada-

lah pembedungan yang dipasang di bawah tanah.

"Pada masa sama, semakan lanjut kedua-dua agensi ke baha-

gian hilir Sungai Gombak dan kawasan terbabit mendapati keadaan sungai baik dan normal," katanya menerusi hantaran di Facebook, kelmarin.

Susulan itu, LUAS berkata, pihaknya sudah melakukan pensampelan di semua lokasi berkaitan dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk analisis lanjut.

Buka kertas siasatan

Pada masa sama, tindakan lanjut diambil dengan kertas siasatan dibuka mengikut Enakmen LUAS 1999.

"LUAS turut berkomunikasi dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi tindakan penguatkuasaan berdasarkan bidang kuasa agensi, selain melaksanakan pemantauan lanjut berkala.

"Untuk itu, LUAS merakamkan penghargaan kepada Air Selangor dan pihak yang terbabit di atas kerjasama dalam operasi ini," katanya.

Terdahulu, media melaporkan hasil semakan menemui aktiviti pencucian jentera di mana aliran cucian masuk ke longkang premis dan seterusnya kolam rawatan dan sungai berhampiran.

Pada masa sama, LUAS meningesan semula aliran berbuih di Loji Rawatan Air (LRA) Gombak yang kemudian melakukan pensampelan bagi mengenal pasti kandungannya.

6.	TAJUK	PEGAWAI AWAM GAGAL SELIA KAKITANGAN KENA TINDAKAN
	SUMBER	BH (12 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (NASIONAL)

BH Rabu, 12 Jun 2024

Nasional

Pegawai awam gagal selia kakitangan kena tindakan

Ketua jabatan gagal pantau tata tertib pekerja seliaan disifatkan cuai laksana tugas

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua pegawai awam termasuk ketua jabatan, perlu melakukan kawalan dan pengawasan tata tertib terhadap kakitangan seliaannya serta mengambil tindakan bersesuaian dengan seberapa segera bagi sebarang pelanggaran mana-mana peruntukan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata mana-mana pegawai yang gagal menjalankan tugas berkenaan, hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, yang boleh dikenakan tindakan tata tertib.

"Dalam hal ini, kaedah kawalan dan pemantauan sudah pun ada dan dilaksanakan.

"Penambahbaikan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 sentiasa dilaksanakan secara holistik oleh Jabatan Perkhidmatan

Awam (JPA)," katanya.

Mohd Zuki berkata, berdasarkan Peraturan 3c Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993, mana-mana pegawai, termasuk ketua jabatan yang didapati bersalah dan terbukti cuai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan, boleh dikenakan hukuman tata tertib.

Katanya, kesan hukuman berkenaan akan menyebabkan pegawai terbabit tidak layak untuk dipertimbangkan bagi tujuan pemangkatan atau kenaikan pangkat, yang boleh mencapai tempoh 48 bulan, mengikut hukuman dikenakan.

Kelmarin, ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Jun, Perdana Menteri mengesyorkan tiada kenaikan pangkat bagi ketua jabatan jika wujud salah laku dan amalan rasuah penjawat awam di bawahnya sehingga tidak dilaporkan.

Perdana Menteri berkata, agak mustahil bagi ketua jabatan atau ketua unit 'tidak tahu' atau menutup mata mengenai wujudnya kecurangan dalam pentadbiran masing-masing.

Siasat jika ada aduan

Sementara itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Ab-

dul Aziz, berkata berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP3.1.6: Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tata tertib, tempoh hilang ke layakan akan dilaksanakan berdasarkan hukuman yang dikenakan terhadap pegawai yang terbukti bersalah, iaitu 12 bulan bagi hukuman amaran, denda (18 bulan), lucut hak emolumen (24 bulan), tangguh pergerakan gaji (30 bulan), turun gaji (36 bulan) dan turun pangkat (48 bulan).


Justeru, Wan Ahmad Dahlan menegaskan, semua ketua jabatan yang bertanggungjawab mesti memulakan siasatan jika wujud sebarang aduan yang berasas mengenai salah laku pegawai seliaannya.

"Kita perlu mengambil langkah proaktif menangani kebobrokan dalam perkhidmatan awam seperti amalan rasuah dan salah laku ini dengan memperkukuh elemen pemantauan dan penguatkuasaan peraturan sedia ada.

"Jika terdapat bukti yang boleh dikaitkan dengan sebarang pe-

langgaran tata kelakuan, kes berkenaan hendaklah seberapa segera dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Tata tertib yang berkenaan untuk memulakan tindakan tata tertib terhadap pegawai yang terbabit," katanya.

Beliau berkata, bagi kes yang dikenal pasti membolehkan rasuah atau salah guna kuasa yang memerlukan siasatan lanjut pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), ketua jabatan atau pegawai bertanggungjawab perlu segera melaporkan kepada pihak berkuasa berkenaan, tertakluk kepada mana-mana akta atau peraturan yang sedang berkuat kuasa.



7.	TAJUK	TINDAKAN, STRATEGI TUNTAS DIPERLUKAN TANGANI PUNCA PENCEMARAN SUNGAI.
	SUMBER	BH (12 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	10 (MUKA SEPULUH)

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Rabu, 12 Jun 2024

Tindakan, strategi tuntas diperlukan tangani punca pencemaran sungai

- Punca utama pencemaran sungai masih lagi daripada aktiviti perindustrian, loji kumbahan, perbandaran, pertanian, perumahan dan penternakan

- Mewujudkan perincian lanjut mengenai tahap pengkelasan tidak berupaya menghuraikan identiti punca pencemaran sama ada berpusat atau tidak berpusat



Pensyarah Kanan, Jabatan Alam Sekitar, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Dr Mohd Yusoff Ishak
bhrencana@bh.com.my

Di sebalik Jawatankuasa Khas Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan memperbaharui iltizam pembuat dasar, kita perlu mengakui sungai di negara ini semakin tercemar, tetapi kita masih berengah-lengah dalam bertindak mengekang kemerosotan tahap kualiti sumber asli ini.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) menggunakan Indeks Kualiti Air (IKA) sebagai kaedah mengukur tahap pencemaran dan kesesuaian jenis guna air seperti digariskan Standard Kualiti Air Kebangsaan.

Melalui standard ini, kualiti air sungai dibahagikan mengikut Kelas I hingga Kelas V dengan sungai tercemar berada pada kelas III dan IV, manakala Kelas digunakan untuk menunjukkan status 'sungai mati'.

Indeks Kualiti Air digubah dengan hanya kombinasi tiga parameter utama berkaitan dengan punca utama pencemaran di negara ini untuk memudahkan pemahaman bersama mengenai status kualiti air sungai.

Ini memandangkan terdapat 72 parameter dalam Standard Kualiti Air Kebangsaan dipantau dengan kekerapan berbeza-beza oleh pihak berkuasa. Sungai dipantau JAS akan dikategorikan sama ada bersih, sederhana tercemar atau tercemar mengikut pengiraan formula tertentu.

Berdasarkan parameter itu, empat peratus atau 29 daripada keseluruhan 672 sungai negara ini dikenal pasti tercemar pada 2022, manakala pada tahun ini pula, 25 daripada 672 sungai berada dalam kategori tercemar.

Walaupun jumlah itu menurun, perbezaannya tidak signifikan. Lokasi sungai tercemar itu dikesan di Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak. Lokasi panas kawasan industri adalah punca sungai tercemar di Sungai Bakar Arang, Kedah; Sungai Jawi (Pulau Pinang); Sungai Buloh (Selangor); Sungai Kerayong (Kuala Lumpur) dan Sungai Adong, Sarawak.

Bagaimanapun, bilangan sungai tercemar mungkin sepatutnya lebih banyak jika mengambil kira litupan terhadap stesen pemantauan sungai sedia ada, tahap keupayaan alat cerapan di lapangan dan kehadiran bahan cemar generasi baharu serta bahan plastik saiz mikro tidak dipantau berdasarkan Standard Kualiti Air Kebangsaan.

Punca utama pencemaran sungai masih lagi daripada aktiviti perindustrian, loji kumbahan, perbandaran, pertanian, perumahan dan penternakan.

Bagaimanapun, pelbagai usaha dilaksanakan sekian lama oleh pelbagai agensi dan lapisan masyarakat untuk menangani punca pencemaran seakan-akan menemui jalan buntu.

Tubuh jawatankuasa peringkat negeri

Sehubungan itu, Jawatankuasa Khas Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan mengusulkan penubuhan jawatankuasa terbabit pada peringkat negeri bagi memberi panduan kepada kerajaan negeri, seterusnya persetujuan pada peringkat berkenaan.

Pengasingan kuasa Persekutuan dengan negeri dalam sumber dan pembekalan air tidak boleh diabaikan menjadi lebih kompleks dalam mengekang pencemaran sungai.

Sebagai contoh, kawalan mendapan terkait dengan sungai di bawah bidang kuasa kerajaan negeri mengikut Perkara 6 Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Namun, umum mengetahui kekangan dihadapi kerajaan negeri dalam menangani isu mendapan di sungai.

Hasrat jawatankuasa itu untuk mengadakan bengkel bagi memperincikan perkara berkaitan pengurusan sungai, perundangan, peraturan, dasar dan pelaksanaan amat dipuji.

Namun, sebenarnya kajian mengenai tadbir urus air di negara ini sudah dilaksana pelbagai pakar, agensi dan institusi dalam dan luar negara dengan ribuan kerja kerja, polisi dan dasar serta cadangan diterbitkan.

Kajian Transformasi Sektor Air 2040 sebagai contoh bermatlamat untuk mentransformasi sektor air menjadi sektor ekonomi dinamik menjelang 2040.



Ini termasuk mempercepat penerimaan rangkai kerja Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM).

Paling diperlukan pada masa kini adalah satu Pusat Data Sektor Air Bersepadu (IWSDC) untuk Malaysia. Kajian dan perkongsian data secara bersepadu serta mudah diakses pengguna dan pemegang taruh berupaya membantu pembuat dasar.

Sebarang keputusan diambil mengenai sungai tercemar perlu berasaskan dapatan kajian saintifik tentunya bergantung kepada data dan maklumat sahih.

Penekanan terhadap keperluan melaksanakan dasar IWRM sudah bermula sejak Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK8) pada 2001, manakala Pelan IWRM Negara diterbitkan pada 2016 untuk memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

Sehubungan itu, pihak berkepentingan dalam pelan tindakan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) bertujuan meningkatkan kualiti air sungai perlu memeroka pendekatan baharu seperti memisahkan hak akses kepada air daripada milikan tanah atau mewujudkan peruntukan khas air untuk kesejahteraan aliran semutudi sungai seperti diamalkan di Australia contohnya.

Pada masa sama, penggunaan kecerdasan buatan (AI) diuar-uarkan bagi penarafan dan pengelasan kedudukan sungai di negara ini agak mengelirukan. Ini kerana sistem berkenaan dikatakan menganalisis kriteria dan matrik prestasi sungai berdasarkan keselamatan, kesesuaian dan kemampuan.

Namun, kerajaan perlu memahami pengkelasan tahap pencemaran sungai oleh JAS sudah sedia ada hingga timbul persoalan, apakah Malaysia masih memerlukan perincian kelas sungai ketika bilangan sungai tercemar semakin bertambah.

Oleh itu, mewujudkan perincian lanjut mengenai tahap pengkelasan tidak berupaya menghuraikan identiti punca pencemaran sama ada berpusat atau tidak berpusat.

Sebaliknya langkah segera perlu dilaksanakan ketika ini adalah memastikan punca pencemaran dibanteras sehingga ke akar umbi.

Malah, kaedah pengkelasan sungai sedia ada, sistem telemetri dalam talian dan sokongan dron oleh pasukan sahabat seperti pihak berkuasa kawasan lembangan sungai terbukti berupaya mengenal pasti punca pencemaran bagi tindakan susulan seperti dalam insiden pencemaran sungai di Lembah Klang.

Jelasnya, isu pencemaran sungai memerlukan penyelesaian bersepadu berasaskan data dan kajian. Ini perlu disokong dengan tindakan lebih agresif di lapangan bagi mengekang niat serong pencemar.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**